

**LEKSIS PERIPHERAL ARABO, SINO-TIBETAN DAN  
DARVIDIEN DALAM PENGANTARABANGSAAN  
BAHASA MELAYU DI ALAM MALAYNESIA.**

**PHILIADIRAN PHILIP**



**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**


JUDUL : **LEKSIS PERIPHERAL ARABO, SINO-TIBETAN DAN DARVIDIEN DALAM PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU DI ALAM MALAYNESIA**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **LINGUISTIK**

Saya **PHILIADIRAN PHILIP**, Sesi **2021-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):



**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)



**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



**TIDAK TERHAD**

Disahkan Oleh,

---

**PHILIADIRAN PHILIP**  
**MU2021013T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 25 September 2023

---

(Prof. Madya Dr. Mohd. Nor Azan bin Abdullah)  
Penyelia Utama

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

25 September 2023

---


Philiadiran Philip  
MU2021013T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **PHILIADIRAN PHILIP**  
NO. MATRIK : **MU2021013T**  
TAJUK : **LEKSIS PERIPHERAL ARABO, SINO-TIBETAN DAN DARVIDIEN DALAM PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU DI ALAM MALAYNESIA**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**  
BIDANG : **LINGUISTIK**  
TARIKH VIVA : **11 MEI 2023**



**DISAHKAN OLEH;**  
**UMS**  
Tandatangan  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**1. PENYELIA UTAMA**

Prof. Madya Dr. Mohd. Nor Azan bin Abdullah

---

**2. PENYELIA BERSAMA**

Dr. Suhailah Abd. Muin

---

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan kunia dan rahmatNya, saya berjaya menyelesaikan kajian ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi dana yang diperuntukkan dalam projek penyelidikan ini di bawah kod geran penyelidikan FRGS 0498-2018 dan kod geran KPT iaitu FRGS/1/2018/SSI01/UMS/02/1. Inisiatif ini bertepatan dengan hala tuju bagi menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) 2015 – 2025. Saya berterima kasih dan sentiasa menyokong usaha yang diketengahkan oleh KPT bagi memberi impak positif kepada masyarakat di Malaysia. Dengan hati yang tulus ikhlas, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia, Prof. Madya Dr. Mohd. Nor Azan Bin Abdullah dan Dr. Suhailah Abd. Muin atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberi sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada rakan seperjuangan saya Gerald Ahayu yang banyak membantu dalam melaksanakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibubapa dan keluarga saya yang banyak memberikan sokongan moral dan kewangan kepada saya sepanjang melaksanakan kajian. Akhir kata, sekalung terima kasih buat semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini.

## ABSTRAK

Tesis ini mengkaji keantarabangsaan bahasa Melayu dengan melihat sejarah kemasukan leksis Arabo (Arab), Sino-Tibetan (Cina) dan Darvidien (Tamil) ke Alam Malaynesia. Bahasa Melayu yang bersifat fleksibel untuk menyerap dan mengasimilasikan leksis-leksis dari bahasa Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien menunjukkan unsur keantarabangsaan bahasa Melayu itu sendiri. Ramai masyarakat kurang mengetahui kewujudan leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien yang diserap dan diasimilasi ke dalam bahasa Melayu dan diubah sebutannya mengikut sebutan Melayu Malaynesia. Selain itu, terdapat juga segelintir masyarakat yang berpendapat bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa antarabangsa mahupun sebagai salah satu bahasa utama di dunia. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan menyenaraikan leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga akan menjelaskan bagaimana leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien diasimilasi ke dalam bahasa Melayu dengan menganalisis perubahan elemen-elemen linguistik terhadap fonem-fonem tertentu yang semestinya memberikan kesan perubahan secara fonologi dan morfologi bagi leksis-leksis yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Seterusnya, kajian ini juga menjelaskan bagaimana leksis peripheral Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien dapat membina keantarabangsaan bahasa Melayu di alam Malaynesia. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk buku teks, dokumentasi-dokumentasi berkaitan serta pelbagai bahan bertulis dan laman sesawang. Secara umumnya, pengkaji telah meneliti 25 bahan yang dianalisis untuk mendapatkan data kajian. Bahan-bahan berkenaan menjadi rujukan pengkaji untuk mengenal pasti leksis-leksis serapan daripada bahasa Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen atau analisis teks sebagai reka bentuk kajian dalam melaksanakan kajian ini. Pendekatan fonologi dan morfologi telah digunakan untuk mengkaji dan menganalisis elemen-elemen perubahan linguistik leksis peripheral Arabo (Arab), Sino-Tibetan (Cina) dan Darvidien (Tamil) dengan mengambil kira pemahaman etimologi diakronik dan sinkronik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 604 leksis Arabo, 292 leksis Sino-Tibetan dan 614 leksis Dravidien yang diserap ke dalam bahasa Melayu dan tercatat dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) sebagai leksis yang sah digunakan dalam bahasa Melayu. Seterusnya, kajian juga mendapati bahawa apabila leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien diasimilasi menjadi leksis bahasa Melayu maka terdapat 30 bentuk perubahan elemen linguistik bagi leksis Arabo, empat ciri pengekalan fonologi dalam bahasa Sino-Tibetan dan 40 bentuk perubahan elemen linguistik bagi leksis Darvidien. Keantarabangsaan bahasa Melayu dapat dilihat melalui tarafnya sebagai bahasa supranasional dan suprarentasional, bahasa ilmu dan sebagai strategi komunikasi yang berkesan.

**Kata Kunci:** Asimilasi, Leksis, Peripheral, Malaynesia, Bahasa Melayu, Fleksibel, Keantarabangsaan

## **ABSTRACT**

### **LEXIS PRIPHERAL OF THE ARABO, SINO-TIBETAN AND DARVIDIEN IN INTERNATIONALIZATION OF THE MALAY LANGUAGE IN THE MALAYNESIAN REALM**

*This thesis examines the internationality of the Malay language through the history of Arabo, Sino-Tibetan, and Darvidien lexis assimilation into the Malaynesian realm. The flexibility of the Malay language to assimilate the lexises from Arabo, Sino-Tibetan and Darvidien languages proves the internationality of the Malay language itself. Society has lacked information about the existence of Arabo, Sino-Tibetan, and Darvidien lexis were borrowed and assimilated into the Malay language and pronunciation also changed to Malay pronunciation. Besides that, some people think that the Malay language is unable to be an international language or one of the main languages in the world. Therefore, this study tends to list the Arabo, Sino-Tibetan, and Darvidien lexis that assimilated into the Malay language. Other than that, this study also clarifies how the Arabo, Sino-Tibetan, and Darvidien lexis assimilated into the Malay language by analyzing the transformation of linguistic elements over some phonemes which should make an impact phonologically and morphologically to the assimilated lexises in the Malay language. Other than that, this study also explains how the peripheral lexis of Arabo, Sino-Tibetan, and Darvidien internationalize the Malay language in the Malaynesian realm. This study utilizes reference materials like relevant books and the internet. Generally, the researcher has examined 25 study materials that to collect data. The materials are the researcher's reference to identify the assimilated lexicons from the language of Arabo, Sino-Tibetan, and Darvidien in the Malay language. The researcher has applied the document analysis method as a research design for this study. Phonology and morphology approaches used to study and analyze the linguistic's transformation elements of peripheral lexis of Arabo, Sino-Tibetan, and Darvidien with the understanding of diachronic and synchronic etymology. The findings show that 604 lexises of Arabo, 292 lexises of Sino-Tibetan, and 614 lexises of Darvidien were assimilated into the Malay language and listed in Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) as proof of validation that the lexises can use in the Malay language. This study also found that when Arabo, Sino-Tibetan, and Darvidien lexises assimilate into the Malay language, there are 30 kind of linguistic's element change for Arabo lexises, four phonological retention characteristics in the Sino-Tibetan language, and 40 kind of linguistic's element for Darvidien lexises. The internationality of the Malay language reflected through its level as supranational and suprareinternational language, language of science and as a language of an effective communication strategy.*

**Key Words:** Assimilation, Lexis, Peripheral, Malaynesia, Malay Language, Flexible, Internationality

## **SENARAI KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI ISTILAH</b>	xv
 <b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1    Pengenalan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	2
1.3    Permasalahan Kajian	4
1.4    Objektif Kajian	7
1.5    Persoalan Kajian	7
1.6    Kepentingan Kajian	8

1.7	Implikasi Kajian	9
1.8	Skop Kajian	10
1.9	Definisi Operasional	10
1.10	Rumusan Bab	15

## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Sorotan Kajian Lepas	26

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Kerangka Konseptual	43
3.4	Pemilihan Data	44
3.5	Pengumpulan Data	47
3.6	Pengkategorian Data	47
3.7	Analisis Data Kajian: Kajian Kualitatif	47

## **BAB 4: SENARAI LEKSIS PERIPHERAL ARABO, SINO-TIBETAN DAN DARVIDIEN**

4.1	Pengenalan	49
4.2	Leksis Peripheral Arabo	50
4.3	Leksis Peripheral Sino-Tibetan	65
4.4	Leksis Peripheral Darvidien	94

## **BAB 5: PERUBAHAN ELEMEN LINGUISTIK LEKSIS PERIPHERAL ARABO, SINO-TIBETAN DAN DARVIDIEN DALAM SEBUTAN MALAYNESIA**

5.1	Pengenalan	123
5.2	Perubahan Elemen Linguistik Leksis Peripheral Arabo	124
5.3	Perubahan Elemen Linguistik Leksis Peripheral Sino-Tibetan	147

5.4	Perubahan Elemen Linguistik Leksis Peripheral Darvidien (Tamil)	154
-----	---	-----

**BAB 6: LEKSIS PERIPHERAL ARABO, SINO-TIBETAN DAN DARVIDIEN DAPAT MEMBINA KEANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU**

6.1	Pengenalan	190
6.2	Leksis Peripheral Arabo, Sino-Tibetan Dan Darvidien Dapat Menjadikan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Supranasional Dan Suprarentasional	191
6.3	Leksis Peripheral Arabo, Sino-Tibetan Dan Darvidien Dapat Menarik Minat Penutur Asing Khususnya Penutur Bahasa Arab, Bahasa Cina Dan Bahasa Tamil Untuk Lebih Mengetahui Bahasa Melayu	196
6.4	Leksis Peripheral Arabo, Sino-Tibetan Dan Darvidien Sebagai Strategi Komunikasi Berkesan	203

**BAB 7: KESIMPULAN DAN CADANGAN**

7.1	Pendahuluan	208
7.2	Rumusan Keseluruhan	208
7.3	Cadangan	214

**RUJUKAN**



215

**LAMPIRAN**

219

## SENARAI JADUAL

Jadual 2.1 : Analisis perubahan fonem leksis Arabo (Arab) apabila diserap ke dalam bahasa Melayu	18
Jadual 2.2 : Analisis perubahan fonem leksis Sino-Tibetan (Cina) apabila diserap ke dalam bahasa Melayu	19
Jadual 2.3 : Analisis perubahan fonem leksis Darvidien (Tamil) apabila diserap ke dalam bahasa Melayu	20
Jadual 2.4 : Perubahan fonem leksis arab yang diserap dalam bahasa Melayu	22
Jadual 2.5 : Perubahan unsur fonologi bahasa cina ke dalam sebutan bahasa Melayu	23
Jadual 2.6 : Perubahan fonem bagi leksis tamil yang diserap ke dalam bahasa Melayu	24
<b>Jadual 4.1 : Penyerapan kosa kata dari keluarga Arabo (arab) ke bahasa Melayu</b>	<b>55</b>
<b>Jadual 4.2 :</b> Penyerapan kosa kata dari keluarga Sino-Tibetan (Cina) ke bahasa Melayu	68
<b>Jadual 4.3 :</b> Senarai leksis keluarga bahasa Darvidien (Tamil) yang diserap ke dalam bahasa Melayu	96
<b>Jadual 4.4 : Penjenisan leksis pinjaman bahasa Tamil dalam bahasa Melayu</b>	<b>121</b>
Jadual 5.1 : Kemasukan bunyi b (ب), d (د), dan j (ج) di akhir kata	126
Jadual 5.2 : Penambahan bunyi pertengahan ks, tr dan rd	126
Jadual 5.3 : Himpunan bunyi konsonan gandaan	127
Jadual 5.4 : Bunyi vokal berulang yang diselangi dengan tanda (‘ )	127
Jadual 5.5 : Imbuhan kata akhir /ah/ membentuk kata nama perempuan	128
Jadual 5.6 : Imbuhan /iah/ yang membentuk kata adjektif	128
Jadual 5.7 : Imbuhan /i/ yang membentuk kata adjektif	129
Jadual 5.8 : Imbuhan /wi/ yang membentuk kata adjektif	129
Jadual 5.9 : Pelemahan bunyi leksis serapan dari bahasa arab	130
Jadual 5.10 : Pengguguran satu daripada dua konsonan yang sama	131

Jadual 5.11 : Aphaeresis atau penanggalan bunyi/ujaran (‘) di awal perkataan	132
Jadual 5.12 : Apocope atau pemenggalan bunyi (‘) di hujung perkataan	133
Jadual 5.13 : Syncope atau hilangnya bunyi di tengah perkataan	133
Jadual 5.14 : Compression atau pelesapan suku kata di akhir atau tengah perkataan	134
Jadual 5.15 : Penguatan bunyi pada leksis serapan bahasa arab	135
Jadual 5.16 : Penyisipan huruf vokal /a/	136
Jadual 5.17 : Penyisipan huruf vokal /i/	136
Jadual 5.18 : Penyisipan huruf vokal /u/	137
Jadual 5.19 : Paragogue (penambahan bunyi pada akhir perkataan)	138
Jadual 5.20 : Monoftongisasi	139
Jadual 5.21 : Perubahan fonem /ts/ menjadi fonem /s/	140
Jadual 5.22 : Perubahan fonem /sy/ menjadi fonem /s/	140
Jadual 5.23 : Perubahan fonem /sh/ menjadi fonem /s/	141
Jadual 5.24 : Perubahan fonem /dh/ dengan fonem /d/	142
Jadual 5.25 : Perubahan fonem /th/ menjadi fonem /t/	143
Jadual 5.26 : Perubahan fonem / ’/ menjadi fonem /k/	144
Jadual 5.27 : Penghilangan fonem (’)	144
Jadual 5.28 : Perubahan fonem /f/ menjadi fonem /p/	145
Jadual 5.29 : Perubahan fonem /q/ menjadi fonem /k/	146
Jadual 5.30 : Perubahan fonem /h/ dengan fonem /t/	147
Jadual 5.31 : Leksis serapan bahasa Cina yang mengingkari harmoni vokal dalam bahasa Melayu	149
Jadual 5.32 : Leksis serapan bahasa Cina yang mengingkari rangkap nasal homorgon dalam bahasa Melayu	151
Jadual 5.33 : Leksis serapan bahasa Cina yang mengingkari reduksi vokal dalam bahasa Melayu	152
Jadual 5.34 : Leksis serapan bahasa Cina yang mengingkari nasalisasi vokal dalam bahasa Melayu	153

Jadual 5.35 : Carta Aksara bahasa Tamil	155
Jadual 5.36 : Carta vokal bahasa Tamil dan padanannya dengan International Phonetic Alphabet	156
Jadual 5.37 : Carta konsonan bahasa Tamil dan padanannya dengan International Phonetic Alphabet	157
Jadual 5.38 : Leksis Darvidien (Tamil) Dalam Bahasa Melayu Yang Mengkalkan Bentuk Asal	158
Jadual 5.39 : Pengguguran Konsonan di Akhir Perkataan	160
Jadual 5.40 : Pengguguran Vokal di Awal Perkataan	161
Jadual 5.41 : Pengguguran Vokal di Tengah Perkataan	161
Jadual 5.42 : Pengguguran Vokal di Akhir Perkataan	162
Jadual 5.43 : Pengguguran Separuh Vokal /y/	164
Jadual 5.44 : Penyisipan Konsonan di Awal Perkataan	165
Jadual 5.45 : Penyisipan Konsonan di Tengah Perkataan	165
Jadual 5.46 : Penyisipan Konsonan di Akhir Perkataan	167
Jadual 5.47 : Penyisipan Vokal di Tengah Perkataan	168
Jadual 5.48 : Penyisipan Vokal di Akhir Perkataan	169
Jadual 5.49 : Perubahan vokal depan sempit /i/ menjadi vokal tengah /ə/	170
Jadual 5.50 : Perubahan vokal depan sempit /i/ menjadi vokal depan luas /a/	171
Jadual 5.51 : Perubahan vokal depan sempit /i/ menjadi vokal depan separuh sempit /e/	172
Jadual 5.52 : Perubahan vokal depan sempit /i/ menjadi vokal tengah /ə/	172
Jadual 5.53 : Perubahan vokal depan luas /a/ menjadi vokal belakang separuh sempit /o/	173
Jadual 5.54 : Perubahan vokal depan luas /a/ menjadi vokal belakang sempit /u/	173
Jadual 5.55 : Perubahan vokal depan luas /a/ menjadi vokal tengah /ə/	174
Jadual 5.56 : Perubahan vokal depan luas /a/ menjadi vokal depan sempit /i/	176
Jadual 5.57 : Perubahan vokal separuh sempit /o/ menjadi vokal belakang sempit /u/	177

Jadual 5.58 : Perubahan vokal separuh sempit /o/ menjadi vokal tengah /ə/	177
Jadual 5.59 : Perubahan vokal belakang sempit /u/ menjadi vokal depan luas /a/	178
Jadual 5.60 : Perubahan vokal belakang sempit /u/ menjadi vokal belakang separuh sempit /o/	178
Jadual 5.61 : Perubahan vokal belakang sempit /u/ menjadi vokal tengah /ə/	179
Jadual 5.62 : Perubahan vokal belakang sempit /u/ menjadi vokal sempit /i/	180
Jadual 5.63 : Perubahan konsonan /t/ menjadi konsonan /d/ di awal perkataan	181
Jadual 5.64 : Perubahan konsonan /t/ menjadi konsonan /d/ di tengah perkataan	181
Jadual 5.65 : Perubahan konsonan /t/ menjadi konsonan /d/ di akhir perkataan	182
Jadual 5.66 : Perubahan konsonan /t/ menjadi konsonan /k/	182
Jadual 5.67 : Perubahan konsonan /t/ menjadi konsonan /s/	182
Jadual 5.68 : Perubahan konsonan /p/ menjadi konsonan /m/	183
Jadual 5.69 : Perubahan konsonan /č/ menjadi konsonan /j/	183
Jadual 5.70 : Perubahan konsonan /k/ menjadi konsonan /h/	184
Jadual 5.71 : Perubahan konsonan /m/ menjadi konsonan /n/, /ŋ/, /h/, /b/ dan /p/	184
Jadual 5.72 : Perubahan konsonan /v/ menjadi konsonan /w/	185
Jadual 5.73 : Perubahan konsonan /v/ menjadi konsonan /b/	186
Jadual 5.74 : Peleburan konsonan	187
Jadual 5.75 : Peleburan vokal	187
Jadual 5.76 : Peleburan rangkap vokal (diftong)	188
Jadual 5.77 : Pengguguran suku kata	189
Jadual 5.78 : Penyisipan suku kata	189

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 2.1 : Proses Pembentukan Leksis Peripheral Ke Dalam Bahasa Melayu	26
Rajah 3.1 : Kerangka Konsep	43



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI ISTILAH

aferesis	Penanggalan bunyi atau kata dari awal sebuah ujaran
apokope	Pemenggalan satu bunyi atau lebih dari akhir kata
disimilasi	Perubahan yang terjadi bila dua bunyi yang sama berubah menjadi tak sama
epentesis	Penyisipan bunyi atau huruf ke dalam kata, terutamanya kata pinjaman untuk menyesuaikan dengan pola fonologi bahasa pinjaman. Contohnya, penyisipan [e] dalam kata <i>kelas</i> .
fonem	Satu bunyi terkecil yang mampu menunjukkan perbezaan makna
kompresi/penekanan	Proses pelesapan satu atau lebih suku kata di akhir atau tengah kata
konsonan	Bunyi bahasa yang dihasilkan dengan menghambat aliran udara pada salah satu tempat di saluran suara di atas glotis
leksikon	Komponen bahasa yang memuat semua informasi tentang makna dan pemakaian kata dalam bahasa
lenisi	Pelemahan bunyi atau lenisi merupakan perubahan yang asalnya dari bunyi yang kuat menjadi bunyi yang lemah
<i>loanwords</i>	Kata pinjaman; kata yang dipinjam daripada bahasa lain dan kemudian sedikit sebanyak disesuaikan dengan sesebuah bahasa itu sendiri
monoftongisasi	Proses perubahan dari sebuah diftong menjadi sebuah monoftong
paragog	Penambahan bunyi pada akhir kata untuk keindahan bunyi atau kemudahan lafal; misalnya penambahan bunyi [u] pada kata <i>bongku</i> , <i>lampu</i> , dan sebagainya.
semantik	Bahagian dari struktur bahasa yang behubungan dengan makna dari ungkapan dan juga dengan struktur makna suatu perbicaraan
sinkope	Hilangnya bunyi atau huruf di tengah-tengah kata
sinonim	Bentuk bahasa yang maknanya mirip atau sama dengan bentuk lain; kesamaan itu berlaku bagi kata, kelompok kata, atau kalimat walaupun umumnya yang dianggap sinonim hanyalah kata-kata saja
vokal	Bunyi bahasa yang dihasilkan dengan getaran pita suara dan tanpa penyempitan dalam saluran suara di atas glotis; satuan fonoogis yang diwujudkan dalam lafal tanpa pergeseran; misalnya [a, i, u, e, o] adalah vokal

**Sumber:** *Kamus Linguistik* (Kridalaksana, 1984) dalam buku Syamsul Hadi (2015), *Kata-kata Arab Dalam Bahasa Indonesia*.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Tajuk kajian yang dipilih ialah *Leksis Peripheral Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien dalam Pengantarabangsaan Leksis Bahasa Melayu di Alam Malaynesia*. Pemilihan tajuk ini dibuat bagi mengenal pasti leksis peripheral Arabo (Arab), Sino-Tibetan (Cina) dan Darvidien (Tamil) yang diserap dalam leksis bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga dibuat bagi mengenal pasti perubahan elemen-elemen linguistik seperti perubahan elemen linguistik fonologi dan morfologi terhadap pelbagai leksis Arabo (Arab), Sino-Tibetan (Cina) dan Darvidien (Tamil) yang telah diserap dan diasimilasi mengikut sebutan lidah Melayu. Seterusnya, kajian ini juga meneliti bagaimana leksis peripheral boleh menjadi medium utama kepada keantarabangsaan bahasa Melayu di Alam Malaynesia (Alam Kepulauan Melayu). Kajian ini menggunakan pendekatan fonologi dan morfologi dengan kefahaman etimologi diakronik dan sinkronik dimana ia mengkhususkan kepada kajian tentang asal usul atau "*words of origin*" terhadap leksis-leksis serapan dan juga mengkaji berkenaan perubahan elemen linguistik terhadap leksis-leksis berkenaan yang diserap dalam bahasa Melayu. Dengan itu, kajian ini akan dapat memperlihatkan pengaruh leksis-leksis asing yang terdapat dalam leksis bahasa Melayu sekaligus memperlihatkan imej keantarabangsaan bahasa Melayu melalui serapan terhadap bahasa-bahasa asing khususnya bahasa-bahasa non-Austronesia seperti bahasa Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien. Oleh itu, dalam bab ini pengkaji akan membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, implikasi kajian, skop kajian dan definisi operasional.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Leksis peripheral merupakan kosa kata tambahan yang datangnya daripada bahasa yang berlainan rumpun. Peripheral secara umumnya membawa maksud penghubung. Dalam istilah perkomputeran pula, peripheral merujuk kapada peranti input atau output terhadap apa-apa peranti yang digunakan untuk pemprosesan maklumat dan penghantaran data atau dalam situasi lain ia juga merupakan mesin yang dikawal oleh sistem komputer (Sandhu, 1998). Peripheral secara harfiah membawa maksud yang berada di persempadanan namun secara saintifiknya ia membawa maksud sebagai pendukung auxillary peripheral (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013). Contohnya, tetikus, mesin pencetak, papan kekunci komputer dan banyak lagi. Menurut Mohd Nor Azan Abdullah (2013), peripheral dalam istilah linguistik merupakan leksis bantuan yang menjadi pendukung dalam memperkayakan pertembaharaan kata bahasa utama iaitu bahasa Melayu. Dalam erti kata lain, leksis peripheral merupakan kosa kata tambahan yang berasal daripada bahasa lain yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu dan disebut menggunakan sebutan Melayu Malaynesia. Umumnya, leksis peripheral merupakan hasil daripada pertembungan bahasa yang berlaku antara masyarakat yang berasal dari bangsa atau ketamadunan yang berlainan. Pertembungan tersebut disebabkan oleh keperluan sosioekonomi, sosiopolitik dan demi kelangsungan sesebuah tamadun. Keperluan-keperluan ini mendorong sesebuah ketamadunan itu untuk melakukan migrasi dengan menjalinkan hubungan ekonomi dan politik dengan wilayah-wilayah yang lain. Maka dengan itu, berlakulah pertembungan bahasa yang berakhir dengan terhasilnya leksis peripheral atau kosa kata tambahan. Melalui komunikasi, pertembungan bahasa berlaku antara rumpun-rumpun bahasa yang berlainan menyebabkan sesebuah bahasa tersebut cepat diserap masuk atau diasimilasikan dalam pertuturan di sesebuah rumpun bahasa yang lain. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang kaya dengan leksis-leksis serapan khususnya dalam keluarga bahasa Arabo, Sino-Tibet dan Darvidien. Hal ini terkait dengan sejarah Tanah Melayu itu sendiri yang mana wilayah ini telah menjalinkan hubungan ekonomi mahupun hubungan politik dengan kerajaan China, India dan para pedagang Islam dari Tanah Arab sejak awal lagi malahan sebelum era kegemilangan empayar Kesultanan Melayu Melaka. Selain singgah untuk bermiaga,

banyak juga antara peniaga yang berkahwin dan menetap di Kepulauan Melayu. Perkara ini menjadikan penggunaan bahasa itu saling bertembung dan peminjaman bahasa berlaku secara berleluasa. Tambahan pula, ketika Selat Melaka menjadi tumpuan persinggahan perdagangan di mata dunia, Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai "*lingua franca*" atau bahasa lidah iaitu sebagai bahasa pertuturan untuk berdagang di Selat Melaka (Mohd Nor Azan Abdullah & Mohd Yusof Abdullah, 2018; Mulyani & Noor, 2018). Selain mengasimilasikan bahasa asing khususnya dalam rumpun bahasa Arabo, Sino-tibetan dan Darvidien, kemungkinan besar terdapat juga perkataan-perkataan Melayu yang menjadi leksis bagi ketamadunan yang lain.

Leksis peripheral Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien dapat membina keantarabangsaan bahasa Melayu dan menjadikan bahasa Melayu antara bahasa utama dunia. Ia dapat dilihat melalui penelitian terhadap sejarah kemasukan bahasa non-Austronesia seperti penyerapan bahasa Arab daripada keluarga bahasa Semitik, peminjaman leksis Cina yang berada dalam cabang keluarga Sino-Tibet dan bahasa Tamil dalam keluarga bahasa Darvidien yang digunakan sebagai leksis Melayu di alam Malaynesia. Awang Sariyan (2010) berpendapat bahawa penyerapan istilah-istilah dasar yang berkaitan akidah dan ibadah melalui ajaran agama Islam sebagai agama sejahtera dalam bahasa Arab telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Hal ini kerana istilah-istilah dasar tersebut juga digunakan oleh umat Islam yang lain di seluruh dunia. Menurutnya lagi, bahasa Melayu merupakan bahasa kedua terbesar selepas bahasa Arab dalam kalangan penganut agama Islam di seluruh dunia. Ini menjadikan bahasa Melayu cukup dikenali dan secara jelasnya penyerapan leksis-leksis bahasa Arab telah mengantarabangsakan bahasa Melayu itu sendiri. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji menanggapi istilah pengantarabangsaan bahasa Melayu itu dengan melihat sifat-sifat keantarabangsaan bahasa Melayu yang menjadikan bahasa Melayu dikenali merentas batas geopolitik setaraf dengan bahasa-bahasa utama dunia yang lain seperti bahasa Inggeris, Arab, Mandarin, Perancis dan lain-lain. Dengan mengkaji leksis peripheral Arabo (Arab), Sino-Tibetan (Cina) dan Darvidien (Tamil) maka bahasa Melayu dapat diantarabangsakan bukan sahaja dalam lingkungan alam Malaynesia malahan di peringkat global sekaligus menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama di dunia.

Malaynesia juga dikenali sebagai alam Melayu atau alam Nusantara (Mohd Nor Azan Abdullah & Mohd Yusof Abdullah, 2018). Bahasa Melayu yang telah menjadi "*lingua franca*" di alam Malaynesia sejak zaman berzaman ini telah berasimilasi dengan perbendaharaan kata non-Austronesia menunjukkan bahawa bahasa Melayu itu fleksibel. Penyerapan leksis bukan Austronesia ini sekaligus menunjukkan unsur pengantarabangsaan bahasa Melayu itu sendiri. Oleh itu, mengenal pasti dan menyenaraikan leksis-leksis asing yang dimelayukan merupakan satu perkara yang penting dalam kajian bagi mengetahui pengaruh sesebuah rumpun bahasa asing khususnya bahasa Arab, Cina dan Tamil terhadap leksis bahasa Melayu. Di samping menyenaraikan seberapa banyak leksis yang diserap ke dalam bahasa Melayu, kajian ini turut menganalisis perubahan elemen-elemen linguistik leksikal yang terlibat apabila leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien diasimilasi menjadi leksis bahasa Melayu. Seterusnya, kajian ini turut mengetengahkan perbincangan berkenaan keantarabangsaan bahasa Melayu melalui serapan leksis peripheral Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini merupakan sesuatu yang baru dan berbeza bagi tujuan melebarkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang bahasa khususnya leksis peripheral di rantau Malaynesia.



### **1.3 Permasalahan Kajian**

Terdapat pelbagai permasalahan yang memerlukan kajian-kajian dilaksanakan berserta pendekatan-pendekatan yang bersesuaian agar dapat menjawab isu-isu atau fenomena yang diketengahkan dalam kajian ini. John Dewey dalam bukunya yang bertajuk *Bagaimana Kita Berfikir* ada menyatakan bahawa kaedah saintifik dalam sesuatu penyelidikan haruslah bermula dengan kesusahan, pengalaman atau permasalahan. Dalam melaksanakan penyelidikan ini terdapat beberapa permasalahan kajian yang dapat dipastikan antaranya ialah;

Kurangnya pengetahuan dalam kalangan masyarakat masa kini tentang kewujudan leksis Arabo, Sino-Tibet mahupun Darvidien merupakan leksis asal yang telah dipinjam dan diubahsuai dalam pertuturan Bahasa Melayu mengikut sebutan Malaynesia. Mengetahui merupakan suatu keperluan lahiriah manusia, kerana pada

dasarnya manusia berada pada posisi makhluk yang dari tidak tahu menjadi tahu (Eldes, 2015). Boleh dikatakan bahawa masyarakat di negara ini rata-rata mempunyai pengetahuan yang samar-samar atau pengetahuan yang ‘di atas pagar’ tentang penyerapan leksis asing ke dalam bahasa Melayu. Fenomena ini dapat disifatkan sebagai sesuatu perkara dimana masyarakat mengetahui atau tidak mengetahui kewujudan tetapi menganggap ianya tidak bermakna (Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 2015). Inilah pentingnya bahawa kewujudan leksis asing dalam bahasa Melayu itu perlu dinyatakan dengan teratur dan sistematik agar ilmu yang diterima oleh masyarakat itu jelas dan sesuatu ilmu yang ingin disampaikan itu tidak bersifat tergantung. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan menyenaraikan seberapa banyak leksis asing yang digunakan dalam bahasa Melayu agar masyarakat menyedari kewujudan pelbagai leksis asing dalam penulisan mahupun dalam pertuturan masyarakat di alam Malaynesia.

Kurangnya kajian mengenai etimologi leksikal iaitu kajian leksis peripheral Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien yang dimelayukan menyebabkan masyarakat tidak dapat membezakan leksis asal bahasa Melayu dan leksis yang diserapkan ke dalam Bahasa Melayu. Dasawarsa ini, segala maklumat atau sumber ilmu pengetahuan boleh diakses melalui internet atau laman sesawang. Perkembangan individu atau masyarakat adalah dipengaruhi oleh faktor pendedahannya kepada sumber teknologi yang terdapat di alam kehidupannya (Hamid, 2016). Tidak dapat dinafikan bahawa sumber maklumat tentang etimologi leksikal bahasa Melayu yang agak terhad ini dapat menimbulkan tanggapan bahawa bahasa Melayu ini tidak mampu untuk berkembang selari dengan bahasa-bahasa utama dunia atau dengan kata lain kegemilangan bahasa Melayu yang pernah menjadi *lingua franca* ini tidak mampu untuk dicapai semula.

Tanggapan masyarakat bahawa bahasa Melayu tidak mampu untuk menjadi bahasa ilmu merupakan satu permasalahan yang cukup penting untuk diketengahkan dalam kajian ini. Tanggapan masyarakat bermaksud apa yang diterima oleh pancaindera, gambaran (bayangan) dalam hati mahupun cerapan oleh sekelompok manusia dalam sesebuah komuniti berlandaskan logik atau pandangan-pandangan tertentu. Oleh itu, terdapat beberapa tanggapan atau pandangan yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa ilmu menyaingi

bahasa asing (bahasa Inggeris khususnya). Menurut Noraien & Noor Rohana (2013), bangsa Melayu sendiri tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Berkemungkinan besar bahawa ketika dunia semakin maju ke arah modenisasi maka penguasaan bahasa Inggeris sangat penting untuk menyediakan seseorang pelajar untuk menyumbang kepada pembinaan negara peringkat tinggi sebagai seorang birokrat atau teknokrat atau profesyen-profesyen lain (Asmah Hj. Omar, 2003). Selain itu, orang Melayu (golongan elit yang berpendidikan barat) sendiri merasa lebih selesa untuk menggunakan bahasa Inggeris kerana tidak perlu memikirkan sangat tentang penggunaan sistem sapaan yang dikatakan ketat dalam bahasa Melayu (Asmah Hj.Omar, 2003a:74). Ibrahim Komoo (2014) juga berpendapat bahawa terdapat ramai rakyat Malaysia termasuk orang Melayu yang berpengaruh tidak yakin bahasa Melayu boleh digunakan sebagai bahasa ilmu tinggi. Sebaliknya, ramai ahli akademik termasuk Melayu yakin bahawa bahasa Inggeris sahaja yang unggul dan meraih kedudukan dalam arena global. Beliau juga berpendapat bahawa terdapat warga Malaysia yang menolak usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu. Seterusnya, ketidakyakinan oleh segelintir masyarakat akan kemampuan bahasa Melayu menjadi salah satu bahasa dunia diperparahkan lagi dengan penggunaan yang meluas terhadap bahasa asing melebihi penggunaan bahasa Melayu khususnya dalam bidang-bidang pekerjaan di Alam Melayu. Menurut Hashim Hj. Musa (2004: 164), penggunaan yang meluas bahasa Inggeris dalam sektor swasta dan bidang perindustrian dan perdagangan serta penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi di IPTA dan IPTS. Perkembangan ilmu pengetahuan adalah dipengaruhi oleh tindakbalas yang berlaku di sekeliling seperti pengaruh sosial, budaya dan politik yang berkembang seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan itu (Karim, 2014). Demikian juga perkembangan bahasa Melayu khususnya yang telah berasimilasi dengan pelbagai bahasa asing. Secara umumnya, era perkembangan bahasa Melayu terbahagi kepada tiga iaitu Melayu Kuno, Melayu Klasik dan Melayu Moden (Pusposari, 2017). Setiap daripada era perkembangan sejarah ini memberikan impak terhadap perubahan bahasa Melayu hasil daripada asimilasi dengan pelbagai rumpun bahasa di dunia. Hal ini menunjukkan betapa bahasa Melayu itu bersifat fleksibel sehingga dapat menubuhkan nuansa bahasa pascamodenisme yang menginventorikan pelbagai leksis asing ke dalam bahasa Melayu. Perkembangan bahasa Melayu pada

era selepas kemerdekaan sememangnya sangat pesat terutama sekali dalam bidang pendidikan dalam negara Malaysia. Ia mendominasi bukan sahaja melalui pendidikan malahan juga sebagai bahasa komunikasi bagi seluruh rakyat dalam negara Malaysia. Oleh itu, mengkaji etimologi bahasa Melayu itu merupakan satu keperluan bukan sahaja untuk mengikis tanggapan serong masyarakat malah untuk membuktikan bahawa bahasa Melayu wajar diangkat sebagai salah satu bahasa utama di dunia. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan kefleksibelan bahasa Melayu untuk berasimilasi dengan leksis asing sekaligus membuktikan pengantarabangsaan leksis bahasa Melayu.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Bahagian ini merupakan kesinambungan bagi persoalan kajian dimana kajian ini dilakukan bagi memecahkan atau menjawab persoalan-persoalan kajian. Oleh itu, terdapat tiga objektif telah dikenalpasti bagi menjawab persoalan-persoalan kajian iaitu;

- i. Menyenaraikan leksis peripheral Arabo, Sino-Tibetan, dan Darvidien yang diserap dalam bahasa Melayu.
- ii. Mengenal pasti perubahan elemen-elemen linguistik terhadap leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien yang diserap dalam bahasa Melayu.
- iii. Menjelaskan bagaimana leksis peripheral Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien dapat membina keantarabangsaan bahasa Melayu.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Tanggapan sesetengah pihak bahawa "bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa ilmu." Persepsi sedemikian dapat dikikis melalui penyelidikan ini bahawa leksis bahasa Melayu lebih fleksibel dan datangnya dari pelbagai pelusuk dunia. Sekaligus ianya menunjukkan bahasa Melayu mampu berkembang pesat sebagai bahasa sains dan teknologi serta mampu dipelajari oleh pelbagai masyarakat dunia. Bagaimana

menjelaskan peminjaman kosa kata Arabo, hybrid Arabo-Indo, Indo-Arabo, Sino dan Darvidien (Tamil) serta memperluaskan lagi pengayaan kosa kata bahasa Melayu sebagai antara bahasa utama di dunia. Kajian ini akan memperlihatkan kepada dunia luar bahawa pengantarabangsaan leksis-leksis bahasa Melayu menunjukkan kefleksibelan bahasa Melayu yang boleh berasimilasi bukan sahaja dengan keluarga bahasa Indo-Eropah, Sino-Tibet, Darvidien malah dengan keluarga bahasa semitik walaupun keluarga bahasa-bahasa tersebut jauh berbeza dari segi struktur leksis dan struktur ayat mahupun tatabahasanya dengan rumpun bahasa Melayu. Objektif umum adalah untuk melihat pengaruh kosa kata peripheral bagi keluarga bahasa Indo, Euro, Sino, Arabo dan Tamil ke atas bahasa Melayu. Pengantarabangsaan bahasa Melayu dijelaskan melalui kewujudan kosa kata daripada keluarga bahasa Arabo (bahasa semitik), Sino (Sino-Tibet) serta Darvidien (Tamil) yang memperkayakan kosa kata bahasa Melayu sebagai bahasa utama dunia. Objektif tersebut tercapai melalui cara menganalisis dokumen bahasa (melalui kajian perpustakaan). Berikut merupakan persoalan-persoalan yang menjadi landasan kepada pengkaji untuk mencapai objektif kajian;

- i. Apakah leksis-leksis yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu?
- ii. Apakah perubahan elemen linguistik terhadap leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien yang diserap dalam bahasa Melayu?
- iii. Bagaimana leksis peripheral Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien dapat membina keantarabangsaan bahasa Melayu?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dapat memberikan maklumat tentang hubungan antara leksis bahasa Arabo, Sino-Tibetan dan Darvidien dengan bahasa Melayu. Di samping itu, kajian ini juga membincangkan secara lebih dalam tentang kefahaman mengenai leksis peripheral dengan mengetengahkan pendefinisan maksud sebagai satu isi utama dalam kajian. Selain itu, kajian ini juga dapat memperkayakan lagi pengetahuan tentang elemen-elemen linguistik leksikal yang digunakan dalam bahasa Melayu